



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
AHAD 27 NOVEMBER 2022**

BIL.	TAJUK IKERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	ANWAR MINTA MAFI KAWAL HARGA MAKANAN, BH -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2.	KOS OPERASI TINGGI PUNCA PENDARATAN IKAN KURANG DI TOK BALI, BH -ONLINE	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
3.	BEKALAN TELUR AYAM AKAN BERTAMBAH DALAM MASA SINGKAT – PM, EDISI 9 -ONLINE	LAIN-LAIN
4.	ANWAR Pengerusikan Mesyuarat Khas Bincang Kos Sara Hidup Rakyat, SELANGORKU -ONLINE	
5.	ANWAR BERTI 14 HARI CERAKIN ISU SUBSIDI, HARUS DINIKMATI GOLONGAN MEMERLUKAN, GETARAN -ONLINE	

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/11/2022	BERITA HARIAN	ONLINE	

Anwar minta MAFI kawal harga makanan



PUTRAJAYA: Datuk Seri Anwar Ibrahim meminta Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) mengambil langkah perlu untuk mengawal harga makanan, terutama telur ayam.

Perdana Menteri berkata, isu berkenaan adalah antara perkara penting ditekankannya pada mesyuarat khas Majlis Tindakan Sara Hidup Negara 2022, di sini, hari ini.

"Apa yang ditekankan ialah masalah harga barang, kos sara hidup. Saya mengucapkan

terima kasih kerana industri nampaknya menyediakan telur mencukupi dalam pasaran dan berdasarkan keterangan, hal ini (bekalan telur ayam) akan bertambah dalam masa singkat.

"Saya lebih ingin menekankan supaya kos itu dapat dikawal lagi. Ini termasuk MAFI melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), mengambil langkah supaya harga di pusat pengeluaran itu tidak terlalu (atau tinggi) dalam pasaran," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat berkenaan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/11/2022	BERITA HARIAN	ONLINE	

Kos operasi tinggi punca pendaratan ikan kurang di Tok Bali



KOTA BHARU: Kos operasi yang tinggi menyebabkan pengusaha bot laut dalam tidak bersedia menambah bot, sekali gus memberi kesan kepada penurunan pendaratan ikan di Pelabuhan Perikanan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Tok Bali, dekat Pasir Puteh.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi, Teknologi Hijau dan Alam Sekitar negeri, Tuan

Mohd Saripudin Tuan Ismail, berkata berdasarkan pemerhatian Jabatan Perikanan Kelantan, penurunan nilai mata wang ringgit bukanlah faktor utama yang menjejaskan atau mempengaruhi bilangan pendaratan bot nelayan di Tok Bali.

Sebaliknya beliau berkata, faktor lain adalah disebabkan oleh kadar lesen aktif semakin berkurangan dan sukar diperbaharui ekoran kekurangan kru yang mempunyai Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) dan kapal sedia ada sudah lama.

"Bagi mengatasi masalah itu, kerajaan Kelantan memperuntukkan sebanyak RM975,000 tahun ini.

"Peruntukan berkenaan bagi membantu dan meringankan kos nelayan dalam sektor perikanan dan juga ternakan akuakultur," katanya pada Persidangan Dewan Undangan Negeri Kelantan, di sini, hari ini.

Beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Selising berkata demikian sebagai menjawab soalan Wan Hassan Wan Ibrahim (PAS-Semerak) pada persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Kelantan di Kota Darulnaim, hari ini, berkenaan tindakan kerajaan untuk mengatasi masalah kekurangan pendaratan ikan di Tok Bali.

Tuan Mohd Saripudin berkata, bagi tahun ini, Jabatan Perikanan menyasarkan 61,000 tan pendaratan ikan.

"Sehingga September lalu, pendaratan ikan yang direkodkan bagi empat daerah menunjukkan prestasi yang positif ke arah mencapai sasaran tahunan.

"Kerajaan juga berharap penyelesaian secara lebih holistik dapat diambil bersama dengan Kerajaan Persekutuan di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan dalam menghadapi cabaran ini antaranya memperbanyakkan kembali lesen laut dalam dan dibuka semula lesen zon tradisi C serta B," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/11/2022	EDISI 9	ONLINE	

Bekalan telur ayam akan bertambah dalam masa singkat – PM



BEKALAN telur ayam yang terputus sejak beberapa minggu lalu dipastikan akan bertambah dalam masa yang singkat, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Menurut Perdana Menteri, ini ekoran langkah pihak industri yang berusaha menyediakan bekalan telur ayam di pasaran.

“Saya ucap terima kasih kerana nampaknya industri telah menyediakan telur ayam di pasaran dengan mencukupi.

“Menurut penerangan, hal ini (telur ayam) akan bertambah dalam masa yang singkat,” katanya dalam sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat khas Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) di Putrajaya hari ini.

Hadir sama Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali dan Gabenor Bank Negara, Tan Sri Nor Shamsiah Mohd Yunus.

Perdana Menteri berkata, beliau telah mengarahkan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui FAMA agar mengambil langkah agar harga pengeluar telur ayam tidak terlalu rendah berbanding harga di pasaran.

Dalam pada itu, ketika ditanya terhadap keperluan membentuk jawatankuasa khas menangani kos sara hidup, Anwar menegaskan apa yang lebih diutamakan ialah cadangan yang efektif dan boleh diimplimentasikan.

“Sebab tu saya panggil semua jentera Kerajaan terlibat secara menyeluruh (membincangkan isu kos sara hidup),” katanya.

Sementara itu, Anwar yang memulakan tugas sebagai Perdana Menteri sejak Jumaat berterima kasih kepada Mohd Zuki dan Nor Shamsiah serta ketua-ketua pengarah kementerian yang sedia menghadiri mesyuarat tersebut walaupun diadakan pada hujung minggu.

“Saya nak zahirkan kebanggaan sikap penjawat awam yang sering kali tidak dihargai masyarakat tentang kesungguhan mereka membantu.

“Mereka datang dengan notis yang singkat dengan segala data keadaan semasa dan langkah yang diambil NACCOL. Kertas kerja dibentangkan,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/11/2022	SELANGORKU	ONLINE	

Anwar pengerusikan mesyuarat khas bincang kos sara hidup rakyat



PUTRAJAYA, 27 NOV: Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini mempengerusikan Mesyuarat Khas Majlis Tindakan Sara Hidup Negara Tahun 2022 bersama jabatan dan agensi kerajaan bagi membincangkan isu kos sara hidup yang menekan rakyat.

Antara pegawai tinggi kerajaan yang hadir pada mesyuarat bermula 11 pagi tadi ialah Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Mohd Zuki Ali, Gabenor Bank Negara Malaysia Tan Sri Nor

Shamsiah Mohd Yunus, pegawai-pegawai daripada Jabatan Perangkaan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Kementerian Kewangan, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan serta Kementerian Tenaga dan Sumber Asli.

Satu sidang media dijangka diadakan selepas mesyuarat itu.

Semalam, Anwar dilaporkan berkata mesyuarat mengenai kos sara hidup itu perlu diadakan segera berikutan terdapat keperluan mendesak berhubung isu berkenaan.

Beliau berkata mesyuarat tersebut akan membincangkan beberapa pelan tindakan segera dan jangka panjang bagi mengatasi masalah berkaitan kos sara hidup.

Jumaat lepas, dalam sidang media pertamanya selepas memulakan tugas rasmi, Anwar menegaskan isu kos sara hidup menjadi keutamaan kerajaan perpaduan pimpinannya bagi mengurangkan beban dialami rakyat ketika ini.

– BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/11/2022	GETARAN	ONLINE	

Anwar Beri 14 Hari Cerakin Isu Subsidi, Harus Dinikmati Golongan Memerlukan



KUALA LUMPUR - Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan, subsidi bersasar harus dilaksanakan kepada rakyat bagi memastikan golongan yang benar-benar memerlukan menikmati pemberian itu.

Katanya, langkah itu juga bagi mengelakkan ia dinikmati kumpulan lebih berkemampuan, kaya dan penggiat industri.

Justeru, beliau memberikan tempoh dua minggu untuk pihak berkaitan, termasuk kementerian mencerakin dan menelusuri seluruh implikasi, selain mengadakan perbincangan dengan sektor swasta dan pelabur supaya mereka memahami tujuan subsidi adalah meringankan beban rakyat miskin.

Anwar Ibrahim menegaskan, subsidi bersasar harus dilaksanakan kepada rakyat bagi memastikan golongan yang benar-benar memerlukan menikmati pemberian itu - Gambar oleh Abdul Razak Latif

Anwar Ibrahim menegaskan, subsidi bersasar harus dilaksanakan kepada rakyat bagi memastikan golongan yang benar-benar memerlukan menikmati pemberian itu - Gambar oleh Abdul Razak Latif

"Tentunya golongan kaya, industri tidak harus ambil manfaat, tetapi mereka ada kemudahan lain akan kita sediakan.

"Umpamanya insentif untuk syarikat, akan diperbaiki supaya tidak menjadi beban kepada mereka kerana mereka biasa dengan subsidi ini.

"Ini juga melibatkan soal tarif elektrik, dari segi angka dibentangkan itu, yang mana manfaat diberikan kepada golongan miskin, (dilihat) hampir sama dengan manfaat diterima golongan kaya, (iaitu) sekitar RM2.5 bilion," katanya.

Beliau berkata demikian selepas mempengerusikan Mesyuarat Khas Majlis Tindakan Sara Hidup Negara Tahun (NACCOL) 2022 bersama jabatan dan agensi kerajaan.

Mesyuarat itu bertujuan membincangkan isu kos sara hidup yang membebankan rakyat.

Antara pegawai kanan jabatan dan agensi kerajaan yang hadir pada mesyuarat bermula 11 pagi tadi itu, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali; Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM) serta Tan Sri Nor Shamsiah Mohd Yunus - Gambar oleh Abdul Razak Latif

Antara pegawai kanan jabatan dan agensi kerajaan yang hadir pada mesyuarat bermula 11 pagi tadi itu, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali; Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM) serta Tan Sri Nor Shamsiah Mohd Yunus - Gambar oleh Abdul Razak Latif

Antara pegawai kanan jabatan dan agensi kerajaan yang hadir pada mesyuarat bermula 11 pagi tadi itu, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali; Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM) serta Tan Sri Nor Shamsiah Mohd Yunus.

Selain itu, pegawai daripada Jabatan Perangkaan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Kementerian Kewangan, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan serta Kementerian Tenaga dan Sumber Asli.

Anwar berkata, beliau menganggap tidak munasabah apabila kemudahan subsidi, turut dimanfaatkan golongan berkemampuan.

“Maknanya subsidi elektrik itu diteruskan...saya bila sebut perkara ini tidak mahu ada kebimbangan subsidi untuk rakyat.

“Tetapi golongan kaya, industri besar tidak harus memperoleh ini kerana ia menjadi bebanan kewangan besar kepada kerajaan,” katanya.

Turut hadir pada mesyuarat itu adalah pegawai daripada Jabatan Perangkaan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Kementerian Kewangan, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan serta Kementerian Tenaga dan Sumber Asli - Gambar oleh Abdul Razak Latif

Turut hadir pada mesyuarat itu adalah pegawai daripada Jabatan Perangkaan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Kementerian Kewangan, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan serta Kementerian Tenaga dan Sumber Asli - Gambar oleh Abdul Razak Latif

Mengulas mengenai kehadiran pegawai terbabit pada mesyuarat itu, Anwar berkata, ia adalah satu permulaan sangat membanggakannya kerana semua kementerian, ketua pengarah, ketua setiausaha dan gabenor hadir membentangkan maklumat masing-masing.

“Saya mesti zahirkan secara peribadi satu kebanggaan saya terhadap sikap penjawat awam yang sering kali tidak dihargai masyarakat mengenai kesungguhan mereka membantu

“Mereka datang dalam notis singkat dengan persiapan semua angka dan data, rencana kerana saya lebih berminat nak tahu keadaan semasa dan langkah harus diambil, walaupun ini disebut sebagai mesyuarat khas NACCOL.

“Maklumat ini penting kerana melihat kepada keadaan harga di pasaran dan subsidi yang tinggi. Saya tidak ada masalah subsidi tinggi sekiranya ia untuk rakyat terutama golongan susah,” katanya. –
Getaran, 27 November 2022